

PENYATA KEWANGAN

2012

KERAJAAN NEGERI PERLIS



KERAJAAN NEGERI PERLIS

PENYATA KEWANGAN 2012

KANDUNGAN

- i PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI
DAN BENDAHARI NEGERI
- ii SIJIL KETUA AUDIT NEGARA

PENYATA KEWANGAN

- 1 Laporan Bendahari Negeri
- 14 Penyata Kedudukan Kewangan
- 15 Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- 19 Penyata Prestasi Kewangan
- 20 Penyata Akaun Memorandum
- 21 Nota Kepada Penyata Kewangan

LAMPIRAN KEPADA NOTA

- 32 Lampiran 1 - Penyata Perbelanjaan Mengurus
- 44 Lampiran 2 - Penyata Perbelanjaan Pembangunan
- 58 Lampiran 3 - Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Dituntut
- 59 Lampiran 4 – Penyata Ringkas Tunggakan Hasil
- 60 Lampiran 5 - Penyata Akaun Memorandum Hutang Awam




PERNYATAAN PEGAWAI KEWANGAN NEGERI DAN BENDAHARI NEGERI


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri dan Nota kepada Penyata Kewangan disediakan:

- (a) mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan International Public Sector Accounting Standard - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting.
- (b) dengan menyatukan maklumat kewangan daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai, Penyata Prestasi Kewangan dan Penyata Akaun Memorandum berserta Nota kepada Penyata Kewangan menunjukkan kedudukan yang benar dan saksama pada 31 Disember 2012.

Pada masa pernyataan ini ditandatangani, mengikut sebaik-baik pengetahuan kami, tidak wujud apa-apa keadaan yang boleh menjejaskan ketepatan dan kesahihan Penyata Kewangan Kerajaan Negeri 2012.


ROMLI BIN DAI
Pegawai Kewangan Negeri Perlis
23 Januari 2013


ROHANI BINTI CHE MIE
Bendahari Negeri Perlis
23 Januari 2013



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
KERAJAAN NEGERI PERLIS
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2012**


Penyata Kewangan Kerajaan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 telah diaudit atas arahan saya selaras dengan Akta Audit 1957. Pihak pengurusan Kerajaan Negeri adalah bertanggungjawab terhadap Penyata Kewangan ini dan tanggungjawab saya adalah mengaudit dan memberi pendapat terhadap Penyata Kewangan tersebut. Pengauditan telah dilaksanakan dengan berpanduan piawaian pengauditan yang diluluskan.

Pada pendapat saya, Penyata Kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis pada 31 Disember 2012; hasil operasi serta aliran tunainya bagi tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan. Rekod perakaunannya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara
Malaysia.

Putrajaya
30 April 2013





KERAJAAN NEGERI PERLIS

LAPORAN BENDAHARI NEGERI 2012

PENDAHULUAN

Laporan ini disediakan untuk menerangkan secara ringkas kedudukan kewangan Kerajaan Negeri Perlis sepanjang tahun 2012. Maklumat yang dinyatakan dalam laporan ini adalah ringkasan data yang diperolehi daripada Penyata Kewangan Negeri Perlis bagi tahun berakhir 31 Disember 2012.

KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Hasil

Hasil Kerajaan Negeri dibahagikan kepada tiga kategori utama iaitu Hasil Cukai, Hasil Bukan Cukai dan Terimaan Bukan Hasil. Hasil Cukai terdiri daripada cukai tanah, cukai parit dan taliair dan cukai keluaran hutan. Hasil Bukan Cukai termasuk kenaikan bayaran daripada kelulusan permit, lesen, bayaran perkhidmatan, jualan air, sewaan harta benda, kerajaan, faedah dan pulangan dari pelaburan serta penalti dan denda. Terimaan Bukan Hasil pula merangkumi pemberian yang diterima daripada Kerajaan Persekutuan serta pulangan balik perbelanjaan.

Prestasi Belanjawan

Belanjawan tahun 2012 telah memperuntukkan sebanyak RM 181.24 juta bagi Perbelanjaan Mengurus dan RM 53.98 juta bagi Perbelanjaan Pembangunan, manakala kutipan hasil dianggarkan berjumlah RM 73.66 juta. Dewan Undangan Negeri juga telah meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM 14.63 juta untuk perbelanjaan mengurus dan RM 19.00 juta untuk Perbelanjaan Pembangunan menjadikan peruntukan keseluruhan Perbelanjaan Mengurus dan Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2012 masing-masing berjumlah RM 195.87 juta dan RM 72.98 juta.

Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM 161.29 juta iaitu 82.35% daripada peruntukan berjumlah RM 195.87 juta. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 15.88 juta adalah Perbelanjaan Tanggungan dan bakinya sebanyak RM 145.41 juta adalah Perbelanjaan Bekalan.

Perbelanjaan Pembangunan bagi tahun 2012 berjumlah RM 63.87 juta iaitu 87.52% daripada jumlah peruntukan. Daripada jumlah ini perbelanjaan secara langsung adalah RM 58.11 juta manakala perbelanjaan pinjaman adalah RM 5.76 juta.


Kutipan hasil bagi tahun 2012 berjumlah RM 127.34 juta, iaitu 72.88% lebih tinggi dari Anggaran Belanjawan 2012 sebanyak RM 73.66 juta.

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

Penyata Kedudukan Kewangan Kerajaan Negeri menunjukkan jumlah wang tunai dan pelaburan yang dipegang bagi ke tiga-tiga akaun kumpulanwang yang disatukan iaitu Akaun Hasil Disatukan, Akaun Amanah Disatukan dan Akaun Pinjaman Disatukan.

Carta 1 menunjukkan kedudukan baki Kumpulanwang Disatukan bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 1



Wang Tunai

Wang tunai Kerajaan Negeri telah berkurangan sebanyak RM 9.79 juta (18.68%) kepada RM 42.62 juta pada 31 Disember 2012 berbanding RM 52.41 juta pada 31 Disember 2011. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 42.31 juta (99.27%) adalah terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, RM 302,991.51 adalah Wang Tunai Dalam Perjalanan dan bakinya sebanyak RM 6,596.79 adalah Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank adalah termasuk Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 21.00 juta selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS. Laporan terperinci mengenai wang tunai boleh dirujuk kepada **Nota 3, Nota Kepada Penyata Kewangan**.

Pelaburan

Tiada pelaburan dilaporkan kerana Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 21.00 juta telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3 *Cash Basis* IPSAS. Rujuk Nota 4, Nota Kepada Penyata Kewangan.

AKAUN HASIL DISATUKAN

Hasil

Kutipan hasil Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 berjumlah RM 127.34 juta iaitu 72.88% lebih tinggi berbanding anggaran disemak berjumlah RM 73.66 juta. Peningkatan ini adalah disebabkan berlaku kenaikan dalam kutipan Bayaran Perkhidmatan, Perolehan Daripada Jualan barang-barang sewaan serta Terimaan Daripada Agensi Kerajaan masing-masing sebanyak RM 2.80 juta, RM 5.91 juta, RM 2.33 juta dan RM 45.95 juta. Secara keseluruhannya kutipan hasil tahun 2012 telah meningkat sebanyak 30.19% (RM 29.53 juta) berbanding kutipan tahun 2011 sebanyak RM 97.81 juta. Terimaan Bukan Hasil merupakan komponen kutipan terbesar iaitu sebanyak 52.80% (RM 67.24 juta) daripada jumlah keseluruhan kutipan hasil, diikuti Hasil Bukan Cukai sebanyak 37.39% (RM 47.61 juta) dan Hasil Cukai sebanyak 9.81% (RM 12.49 juta).

Hasil Cukai

Pungutan Hasil Cukai bagi tahun 2012 adalah sebanyak RM 12.49 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak RM 0.67 juta berbanding kutipan 2011 sebanyak RM 13.16 juta. Sumber kutipan terbesar ialah cukai tanah iaitu sebanyak 79.74% (RM 9.96 juta), diikuti kutipan cukai keluaran hutan sebanyak 14.65% (RM 1.83 juta) dan cukai parit dan taliair sebanyak 5.61% (RM 0.70 juta).

Hasil Bukan Cukai

Kutipan Hasil Bukan Cukai dalam tahun 2012 meningkat sebanyak RM 10.06 juta berbanding kutipan tahun 2011 berjumlah RM 37.55 juta. Peningkatan ini berpunca daripada kenaikan dalam Bayaran Perkhidmatan sebanyak RM 1.46 juta, Perolehan Dari Jualan Barang-barang sebanyak RM 4.76 juta, Sewaan sebanyak RM 3.92 juta dan Perolehan Pelaburan sebanyak RM 0.22 juta. Manakala kutipan di bawah komponen Lesen, Bayaran Perkhidmatan dan Permit telah berkurangan sebanyak 6.14% iaitu daripada RM 6.03 juta kepada RM 5.66 juta.


Terimaan Bukan Hasil

Terimaan Bukan Hasil bagi tahun 2012 berjumlah RM 67.24 juta, meningkat sebanyak 42.76% berbanding kutipan 2011 sebanyak RM 47.10 juta. Peningkatan ini berlaku kerana terdapat kenaikan sebanyak 41.21% di bawah komponen Terimaan Dari Agensi Kerajaan iaitu daripada RM 46.71 juta dalam tahun 2011 kepada RM 65.96 juta dalam tahun 2012. Ini adalah kerana


dalam tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menerima pemberian Kurangan Hasil sebanyak RM 25.35 juta berbanding hanya RM 4.74 juta dalam tahun 2011.

Laporan terperinci mengenai hasil boleh dirujuk kepada **Nota 5, Nota Kepada Penyata Kewangan**. Carta 2 menunjukkan Jumlah kutipan hasil Kerajaan Negeri mengikut komponen bagi tahun 2012 manakala Carta 3 menunjukkan prestasi kutipan bagi ketiga-tiga komponen dalam tempoh 5 tahun.

CARTA 2



CARTA 3



Perbelanjaan Mengurus

Jumlah anggaran perbelanjaan Kerajaan Negeri disemak bagi tahun 2012 berjumlah RM 195.87 juta, meningkat sebanyak RM 14.63 juta berbanding anggaran asal berjumlah RM 181.24 juta.

Anggaran dipinda bagi emolumen meningkat sebanyak 10.73% kepada RM 38.59 juta, Perkhidmatan Dan Bekalan meningkat sebanyak 11.69% kepada RM 48.14 juta, aset meningkat sebanyak 45.98% kepada RM 3.27 juta dan anggaran untuk Pemberian dan Kenaan Tetap meningkat sebanyak 4.60% kepada RM 105.29 juta.

Perbelanjaan mengurus Kerajaan Negeri dalam tahun 2012 berjumlah RM 130.31 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM 30.98 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan). Sebahagian besar perbelanjaan adalah untuk menampung perbelanjaan di bawah pemberian dan kenaan tetap (iaitu caruman kepada Kumpulan Wang Bekalan Air, pemberian bantuan am kebajikan, bayaran balik pinjaman dan bayaran pencen), bayaran emolumen (iaitu bayaran gaji dan elaun kakitangan Kerajaan Negeri) serta perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan termasuk penyelenggaraan dan bayaran utiliti.

Perbelanjaan Tanggungan berjumlah RM 15.88 juta iaitu 12.19% daripada jumlah perbelanjaan mengurus 2012. Sebahagian besar perbelanjaan tanggungan adalah terdiri daripada bayaran balik pinjaman berjumlah RM 8.43 juta (53.09%) dan bayaran pencen ADUN/EXCO berjumlah RM 2.61 juta (16.44%).

Perbelanjaan Bekalan berjumlah RM 114.43 juta (tidak termasuk pindahan sejumlah RM 30.98 juta kepada Kumpulan Wang Pembangunan) merupakan 87.81% daripada perbelanjaan mengurus 2012. Jika dibandingkan dengan jumlah Perbelanjaan Mengurus yang dilakukan dalam tahun 2011, didapati berlaku peningkatan sebanyak 13.26% atau RM 15.26 juta.

Ringkasan Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri mengikut komponen perbelanjaan ditunjukkan dalam Jadual 1.

JADUAL 1
PERBELANJAAN MENGURUS KERAJAAN NEGERI PERLIS

Komponen Perbelanjaan	2012	2011	Kenaikan / (Penurunan)	Peratus
	RM Juta	RM Juta	RM Juta	%
Emolumen	38.23	34.90	3.33	9.54
Perkhidmatan Dan Bekalan	46.38	40.43	5.95	14.72
Aset	3.23	2.08	1.15	55.29
Pemberian Dan Kenaan Tetap (Tidak termasuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan)	41.92	37.24	4.68	12.57
Lain-Lain Perbelanjaan	0.55	0.40	0.15	37.50
JUMLAH	130.31	115.05	15.26	13.26

Perbelanjaan Emolumen sebanyak RM 38.23 juta merupakan 29.34% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus bagi tahun 2012. Iaitu berlaku peningkatan sebanyak 9.54% berbanding perbelanjaan tahun 2011 berjumlah RM 34.90 juta disebabkan bayaran bonus sebulan gaji, pergerakan gaji tahunan serta peningkatan dalam tuntutan elaun lebih masa.


Perbelanjaan Perkhidmatan dan Bekalan berjumlah RM 46.38 juta merupakan komponen perbelanjaan mengurus tertinggi dalam tahun 2012 iaitu sebanyak 35.59%. Perbelanjaan ini juga menunjukkan peningkatan sebanyak 14.72% berbanding perbelanjaan dalam tahun 2011 sebanyak RM 40.43 juta disebabkan peningkatan dalam kerja-kerja pemasangan dan penyelenggaraan elektrik serta pembayaran bil-bil utiliti.

Perbelanjaan perolehan Aset bagi tahun 2012 berjumlah RM 3.23 juta iaitu 55.29% lebih tinggi berbanding perbelanjaan tahun 2011 berjumlah RM 2.08 juta disebabkan pembelian kenderaan rasmi DYMM Tuanku Raja Perlis.


Perbelanjaan di bawah Pemberian dan Kenaan Tetap yang merangkumi perbelanjaan untuk bayaran balik hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan, bayaran pencen dan ganjaran serta pemberian dan bantuan lain berjumlah RM 41.92 juta iaitu merupakan 32.17% daripada keseluruhan perbelanjaan mengurus 2012. Perbelanjaan ini menunjukkan peningkatan sebanyak 12.57% berbanding perbelanjaan 2011 berjumlah RM 37.24 juta disebabkan tambahan Pemberian Bantuan Am Negeri kepada penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat dan tambahan caruman kepada Kumpulanwang Bekalan Air.

Carta 4 menunjukkan komponen –komponen Perbelanjaan Mengurus bagi tahun 2012 manakala corak aliran Perbelanjaan Mengurus Kerajaan Negeri bagi tempoh 5 tahun ditunjukkan dalam Carta 5. Laporan terperinci perbelanjaan mengurus boleh dirujuk kepada **Lampiran 1 Penyata Perbelanjaan Mengurus**.

CARTA 4



CARTA 5



AKAUN PINJAMAN DISATUKAN

Akaun Pinjaman Disatukan ditubuhkan mengikut Perkara 99 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(b) Akta Prosedur Kewangan 1957 (Disemak – 1972) bagi mengakaunkan semua terimaan pinjaman, bayaran balik dan pindahan pinjaman yang diterima ke Kumpulanwang Pembangunan dan Kumpulanwang Bekalan Air. Sumber pinjaman Kerajaan Negeri adalah daripada Kerajaan Persekutuan. Dalam tahun 2012, Kerajaan Negeri telah menerima pinjaman berjumlah RM 6.13 juta iaitu sebanyak RM 2.13 juta untuk Projek Bekalan Air dan RM 4.00 juta untuk pembinaan Istana Perlis di Kuala Lumpur. Sehingga 31 Disember 2012 akaun ini tidak berbaki kerana semua pinjaman yang diterima telah disalurkan ke dalam Kumpulan Wang Bekalan Air dan Kumpulan Wang Pembangunan.

AKAUN AMANAH DISATUKAN

Akaun Amanah Disatukan terdiri daripada Kumpulanwang Amanah Kerajaan, Kumpulanwang Amanah Awam dan Akaun Deposit. Sehingga 31 Disember 2012 akaun ini berbaki RM 249.91 juta berbanding RM 225.75 juta pada 31 Disember 2011.

Laporan terperinci mengenai Akaun Amanah Disatukan boleh dirujuk kepada **Nota 7, Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan

Kumpulan Wang Amanah Kerajaan mengakaunkan terimaan daripada peruntukan Kerajaan dan bayaran bagi maksud tertentu mengikut Seksyen 10 Akta Tatacara Kewangan 1957[Akta 61]. Ia dikategorikan kepada Kumpulan Wang Pembangunan, Kumpulan Wang Amanah Bekalan Air dan Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan. Dalam tahun 2012 akaun ini berbaki kredit sebanyak RM 90.41 juta iaitu berlaku peningkatan sebanyak RM 8.43 juta berbanding RM 81.98 juta pada tahun 2011.


Kumpulan Wang Pembangunan

Kumpulanwang Pembangunan telah diwujudkan mengikut Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966 [Akta 406] bagi membiayai perbelanjaan berkaitan projek-projek pembangunan. Terimaan kumpulan wang ini meningkat sebanyak 9.10% kepada RM 75.52 juta pada 31 Disember 2012 berbanding RM 69.22 juta pada 31 Disember 2011. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri telah menerima pemberian TAHAP berjumlah RM 23.31 juta berbanding hanya RM 18.92 juta pada tahun sebelumnya, serta pindahan dari Akaun Hasil Disatukan berjumlah RM 30.98 juta. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(i), Nota Kepada Penyata Kewangan**.


Perbelanjaan pembangunan dalam tahun 2012 berjumlah RM 63.87 juta, iaitu 87.52% daripada peruntukan disemak berjumlah RM 72.98 juta. Daripada jumlah tersebut. Perbelanjaan secara langsung sebanyak RM 58.11 juta, manakala perbelanjaan melalui pinjaman sebanyak RM 5.76 juta. Dengan jumlah terimaan sebanyak RM 75.52 juta berbanding perbelanjaan RM 63.87 juta, kumpulanwang ini mencatatkan lebih sebanyak RM 11.65 juta menjadikan baki terkumpul Kumpulanwang Pembangunan mencatatkan lebih sebanyak RM 11.73 juta.

Laporan terperinci mengenai perbelanjaan pembangunan boleh dirujuk kepada Lampiran 2 – Penyata Perbelanjaan Pembangunan. Carta 6 menunjukkan jumlah terimaan berbanding perbelanjaan Kumpulanwang Pembangunan bagi tempoh 5 tahun manakala Carta 7 menunjukkan prestasi terimaan pembangunan mengikut komponen bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 6



CARTA 7



Kumpulanwang Bekalan Air

Kumpulanwang Bekalan Air ditubuhkan mengikut kehendak Enakmen Kumpulan Wang Bekalan Air di bawah Jabatan Kerja Raya. Sumber kewangan kumpulanwang ini terdiri daripada caruman dari Akaun Hasil Disatukan dan pindahan dari Akaun Pinjaman Disatukan.

Belanjawan tahun 2012 telah memperuntukkan caruman sebanyak RM 17.13 juta untuk perbelanjaan mengurus dan pembangunan bekalan air. Daripada jumlah tersebut sebanyak RM 16.96 juta telah dibelanjakan untuk perbelanjaan mengurus manakala sebanyak RM 4.26 juta untuk pembangunan bekalan air. Secara keseluruhannya didapati perbelanjaan di bawah kumpulanwang ini telah meningkat sebanyak 13.84% daripada perbelanjaan tahun sebelumnya. Sebahagian besar peruntukan mengurus digunakan bagi membiayai bil elektrik untuk empat (4) buah logi air.

Operasi Kumpulanwang Bekalan Air 2012 berakhir dengan kurangan sebanyak RM 0.96 juta, apabila jumlah terimaan yang dicatatkan adalah sebanyak RM 20.26 juta berbanding jumlah perbelanjaan sebanyak RM 21.22 juta menjadikan baki defisit terkumpul Kumpulanwang Bekalan Air telah bertambah daripada RM 27.18 juta dalam tahun 2011 kepada RM 28.13 juta pada akhir tahun 2012.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(ii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan

Terdapat 5 kategori akaun dikelaskan di bawah Pelbagai Kumpulanwang Amanah Kerajaan iaitu Akaun Penyelesaian, Akaun Perniagaan, Akaun Pinjaman, Kumpulan Wang Luar Jangka dan Pelbagai Kumpulanwang. Baki Pelbagai Kumpulan Wang Amanah Kerajaan pada akhir tahun 2012 berjumlah RM 106.81 juta berbanding RM 109.07 juta pada akhir tahun 2011. Berlaku pengurangan sebanyak 2.07% disebabkan penurunan dalam baki Akaun Kena Bayar sebanyak 49.07% (RM 7.64 juta) berbanding baki dalam tahun 2011 berjumlah RM 15.57 juta.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(a)(iii), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Kumpulan Wang Amanah Awam

Kumpulan wang ini ditubuhkan di bawah Seksyen 9 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] untuk mengakaunkan wang yang diamanahkan kepada Kerajaan Negeri serta wang amanah yang diterima bagi maksud-maksud tertentu. Pada tahun 2012 Kerajaan Negeri mempunyai 29 akaun amanah awam yang dikawal oleh 8 jabatan iaitu Perbendaharaan Negeri (2), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (15), Jabatan Tanah Dan Galian (5), Jabatan Pertanian (1), Jabatan Perkhidmatan Veterinar (1), Jabatan Kebajikan Masyarakat (1) Jabatan Kehakiman Syariah (2) dan Jabatan Kerja Raya (2).

Baki terkumpul Kumpulan Wang Amanah Awam bagi tahun 2012 berjumlah RM 115.81 juta berbanding sebanyak RM 102.99 juta dalam tahun 2011. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

Akaun Deposit

Deposit terdiri daripada wang yang diterima oleh Kerajaan Negeri bagi maksud tertentu mengikut undang-undang atau perjanjian dan perlu dikembalikan apabila maksud kutipan telah tercapai. Bagi tahun 2012, jumlah deposit yang dipegang oleh kerajaan telah meningkat sebanyak 7.11% kepada RM 43.69 juta berbanding RM 40.79 juta pada tahun 2011.

Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 7(c), Nota Kepada Penyata Kewangan.**

PENYATA PENERIMAAN DAN PEMBAYARAN WANG TUNAI

Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai

Pada tahun 2012, Kerajaan Negeri telah mengalami kurangan wang tunai sebanyak RM 9.79 juta berikutan jumlah perbelanjaan sebanyak RM 196.32 juta melebihi jumlah terimaan sebanyak RM 186.53 juta. Kurangan ini menjadikan baki terkumpul wang tunai menyusut daripada RM 52.41 juta dalam tahun 2011 kepada RM 42.62 juta pada tahun 2012. Penyata Penerimaan Dan Pembayaran Wang Tunai Kerajaan Negeri ditunjukkan dalam Jadual 2.

JADUAL 2

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2012	
TERIMAAN	RM Juta
Hasil	127,346,255.47
Pinjaman	6,134,790.00
Terimaan Modal	40,539,738.82
Terimaan Lain	12,507,323.31
Jumlah Terimaan	186,528,107.60
BAYARAN	
Perbelanjaan Mengurus (tidak termasuk pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan)	(121,886,830.71)
Perbelanjaan Pembangunan	(63,869,822.42)
Perbelanjaan Modal	0.00
Bayaran Balik Pinjaman	(10,561,878.71)
Bayaran Lain	0.00
Jumlah Pembayaran	(196,318,531.84)
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	(9,790,424.24)
Wang Tunai pada 1 Januari	52,414,428.35
Tambahan/(Kurangan) Wang Tunai	(9,790,424.24)
Wang Tunai pada 31 Disember	42,624,004.11

Jumlah terimaan sebanyak RM 186.53 juta adalah terdiri daripada hasil berjumlah RM 127.35 juta (68.27%), pinjaman dalam negeri berjumlah RM 6.13 juta (3.29%), terimaan modal berjumlah RM 40.54 juta (21.73%) dan terimaan lain berjumlah RM 12.51 juta (6.71%). Daripada jumlah hasil yang diterima dalam tahun 2012, sebanyak RM 12.49 juta (9.81%) merupakan hasil cukai, RM 47.61 juta (37.39%) merupakan hasil bukan cukai dan RM 67.24 juta (52.80%) merupakan hasil bukan cukai.

Terimaan modal sebanyak RM 40.54 juta diperolehi daripada pemberian pertambahan hasil berjumlah RM 12.04 juta, pemberian TAHAP berjumlah RM 23.31 juta, jualan rumah kos rendah berjumlah RM 3.63 juta dan ansuran perumahan awam berjumlah RM 1.56 juta.

Jumlah bayaran Kerajaan Negeri bagi tahun 2012 adalah RM 196.32 juta. Komponen terbesar daripada jumlah bayaran ini adalah untuk perbelanjaan mengurus sebanyak RM 121.89 juta (62.09%), manakala perbelanjaan pembangunan berjumlah RM 63.87 juta (32.53%).

Bayaran balik pinjaman berjumlah RM 10.56 juta adalah termasuk bayaran balik pinjaman Kerajaan Persekutuan berjumlah RM 8.43 juta dan pindahan pinjaman projek bekalan air kepada Kumpulan Wang Bekalan Air berjumlah RM 2.13 juta.

PENYATA AKAUN MEMORANDUM

Penyata Akaun Memorandum ialah penyata yang menunjukkan sebahagian aset dan liabiliti Kerajaan Negeri yang tidak ditunjukkan dalam Penyata Kedudukan Kewangan. Aset terdiri daripada pinjaman boleh dituntut dan akaun belum terima, manakala liabiliti pula terdiri daripada hutang Kerajaan Negeri.

ASET

Pinjaman Boleh Tuntut

Baki Pinjaman Boleh Tuntut merupakan baki pinjaman yang diberikan oleh Kerajaan Negeri kepada Badan Berkanun Negeri. Sehingga 31 Disember 2012, jumlah pinjaman yang boleh dituntut adalah sebanyak RM 83.84 juta iaitu berlaku pengurangan sebanyak 2.69% berbanding RM 86.16 juta pada tahun 2011. Pengurangan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima bayaran balik pinjaman daripada Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Perlis berjumlah RM 2.32 juta. Butiran terperinci ditunjukkan dalam **Nota 8(a), Nota Kepada Penyata Kewangan dan Lampiran 3 – Penyata Akaun Memorandum Pinjaman Boleh Tuntut.**

Akaun Belum Terima

Akaun Belum Terima menunjukkan jumlah tunggakan hasil Kerajaan Negeri pada akhir tahun kewangan. Pada akhir tahun 2012 tunggakan hasil adalah sebanyak RM 24.57 juta berbanding RM 24.05 juta pada tahun 2011. Laporan terperinci boleh dirujuk kepada **Nota 8 (b), Nota Kepada Penyata Kewangan.**


LIABILITI

Hutang Awam

Pada akhir tahun 2012, baki hutang Kerajaan Negeri kepada Kerajaan Persekutuan telah meningkat sebanyak 0.20% iaitu daripada RM 342.49 juta pada tahun 2011 kepada RM 343.16 juta. Peningkatan ini disebabkan Kerajaan Negeri menerima tambahan pinjaman untuk projek bekalan air berjumlah RM 2.13 juta dan untuk pembinaan Istana Perlis berjumlah RM 4.00 juta.

Carta 8 menunjukkan prestasi bayaran balik hutang kepada Kerajaan Persekutuan bagi tempoh 5 tahun.

CARTA 8





KERAJAAN NEGERI PERLIS

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN 2012

PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
pada 31 Disember 2012

		<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
WANG AWAM			
WANG TUNAI	3	42,624,004.11	52,414,428.35
PELABURAN	4	0.00	0.00
		42,624,004.11	52,414,428.35
DIPEGANG BAGI:			
KUMPULAN WANG DISATUKAN			
AKAUN HASIL DISATUKAN	5	(207,286,450.74)	(173,338,436.79)
AKAUN PINJAMAN DISATUKAN	6	0.00	0.00
AKAUN AMANAH DISATUKAN	7	249,910,454.85	225,752,865.14
		42,624,004.11	52,414,428.35

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



KERAJAAN NEGERI PERLIS

**PENYATA PENERIMAAN
DAN PEMBAYARAN
WANG TUNAI 2012**

Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai

bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

PERLIS

	2012		2011	
	(RM)	(RM)	(RM)	(RM)
TERIMAAN				
HASIL				
Hasil Cukai	12,492,926.02		13,164,311.32	
Hasil Bukan Cukai	47,613,035.87		37,547,813.82	
Terimaan Bukan Hasil	67,240,293.58		47,095,907.38	
		127,346,255.47		97,808,032.52
PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	6,134,790.00		4,789,427.00	
		6,134,790.00		4,789,427.00
TERIMAAN MODAL				
Pelbagai Terimaan Modal	40,539,738.82		40,201,570.58	
Jualan Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		40,539,738.82		40,201,570.58
TERIMAAN LAIN				
Terimaan Amanah	12,507,323.31		61,942,529.96	
		12,507,323.31		61,942,529.96
JUMLAH TERIMAAN		186,528,107.60		204,741,560.06
BAYARAN				
PERBELANJAAN MENGURUS				
Emolumen	(38,231,617.76)		(34,900,496.46)	
Perkhidmatan Dan Bekalan	(46,384,187.17)		(40,437,059.88)	
Aset	(3,232,390.81)		(2,080,562.60)	
Pemberian & Kenaan Bayaran Tetap	(33,485,168.47)		(30,882,013.56)	
Perbelanjaan Lain	(553,466.50)		(398,007.04)	
		(121,886,830.71)		(108,698,139.54)
PERBELANJAAN PEMBANGUNAN				
Langsung	(58,105,414.12)		(59,518,193.39)	
Pinjaman	(5,764,408.30)		(4,000,000.00)	
		(63,869,822.42)		(63,518,193.39)
PERBELANJAAN MODAL				
Pelbagai Perbelanjaan Modal	0.00		0.00	
Pembelian Instrumen Kewangan	0.00		0.00	
		0.00		0.00
BAYARAN BALIK PINJAMAN				
Pinjaman Dalam Negeri	(8,427,088.71)		(6,354,414.97)	
Pinjaman Kepada Agensi	(2,134,790.00)		(5,789,427.00)	
		(10,561,878.71)		(12,143,841.97)
BAYARAN LAIN				
Bayaran Amanah	0.00		0.00	
		0.00		0.00
JUMLAH BAYARAN		(196,318,531.84)		(184,360,174.90)
Tambahan / (Kurangan) Wangtunai		(9,790,424.24)		20,381,385.16
Wangtunai Pada, 31 Disember 2011		52,414,428.35		32,033,043.19
Wangtunai Pada, 31 Disember 2012		42,624,004.11		52,414,428.35

KERAJAAN NEGERI PERLIS

Pengiraan Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wangtunai bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

1 Pengiraan Wang Tunai

Wangtunai Pada 31 Disember 2012	A	42,624,004.11
Wangtunai Pada 31 Disember 2011	A	52,414,428.35
Lebihan /(Kurangan) Wangtunai		(9,790,424.24)

2. Pengiraan Jualan/Pembelian Instrumen Kewangan

Pelaburan Pada 31 Disember 2011	B	0.00
Pelaburan Pada 31 Disember 2012	B	0.00
(Pembelian)/ Jualan Pelaburan		0.00

3. Pengiraan Hasil / Perbelanjaan Hasil

Hasil Cukai	C	12,492,926.02
Hasil Bukan Cukai	C	47,613,035.87
Terimaan Bukan Hasil	C	67,240,293.58
		127,346,255.47

4. Perbelanjaan Mengurus

Emolumen	C	(38,231,617.76)
Perkhidmatan Dan Bekalan	C	(46,384,187.17)
Aset	C	(3,232,390.81)
Perbelanjaan Lain	C	(553,466.50)
Pemberian/Kenaan Tetap	C	(72,892,607.18)
Tolak - Pindahan ke AK Hasil	E1a	30,980,350.00
- Pindahan ke AK Hasil	E1d	0.00
- Bayaran Balik Pinjaman		8,427,088.71
		(33,485,168.47)
		(121,886,830.71)

5. Perbelanjaan Pembangunan

Langsung KWP	E1a	(58,105,414.12)
Langsung Hutan	E1d	0.00
		(58,105,414.12)
Pinjaman KWP	E1a	(5,764,408.30)
Pinjaman Hutan	E1d	0.00
		(5,764,408.30)
		(63,869,822.42)

6. Pengiraan Terimaan Modal (Kumpulan Wang Pembangunan E1a/E1d)

Pengiraan Pelbagai Terimaan Modal	Kt	Dt
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian li	12,035,713.00	0.00
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	23,313,000.00	0.00
Ansuran Perumahan Awam	1,559,318.66	0.00
Jualan Perumahan Kos Rendah	3,631,707.16	0.00
Jumlah	40,539,738.82	0.00

7. Pengiraan Pinjaman Dalam Negeri

Terimaan Kt

A. Jumlah Pinjaman

Pinjaman Pinjaman Pihak Berkuasa Tempatan	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Badan Berkanun	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Bekalan Air	D	2,134,790.00
Pinjaman Pinjaman Perumahan Awam Kos Rendah	D	0.00
Pinjaman Pinjaman Pelbagai	D	4,000,000.00
		6,134,790.00

B. Bayaran Balik Pinjaman 8,427,088.71

C. Pinjaman Kepada Agensi 2,134,790.00

8. Pengiraan Amanah		Baki Awal 31 Disember 2011	Dt	Kt	Baki Akhir 31 Disember 2012
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Kumpulan Pembangunan	E1a	82,500.48			11,732,766.88
Langsung	E1a		58,105,414.12		
Pinjaman	E1a		5,764,408.30		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			4,000,000.00	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			30,980,350.00	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian Ii	E1a		0.00	12,035,713.00	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	23,313,000.00	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	1,559,318.66	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	3,631,707.16	
		82,500.48	63,869,822.42	75,520,088.82	11,732,766.88
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Kumpulan Hutan	E1d	0.00	0.00		0.00
			0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil Disatukan			0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
		0.00	0.00	0.00	0.00
		82,500.48	63,869,822.42	75,520,088.82	11,732,766.88
Kumpulan Pinjaman Perumahan/Air	E1b	(27,178,258.47)	21,221,192.81	20,264,525.00	(28,134,926.28)
Pelbagai Kumpulan Amanah	E1c	109,073,423.76	45,813,805.93	43,549,629.19	106,809,247.02
Kumpulan Amanah Awam	E2	102,989,255.20	40,889,424.04	53,709,441.49	115,809,272.65
Deposit	E3	40,785,944.17	1,681,731.76	4,589,882.17	43,694,094.58
Jumlah		225,752,865.14	173,475,976.96	197,633,566.67	249,910,454.85
Tolak					
Perbelanjaan Pembangunan KWP :					
Langsung	E1a		(58,105,414.12)		
Pinjaman	E1a		(5,764,408.30)		
Pindahan Dari Akaun Pinjaman	E1a			(4,000,000.00)	
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1a			(30,980,350.00)	
Pemberian Pertambahan Hasil Bahagian Ii	E1a		0.00	(12,035,713.00)	
Pemberian Tahap Pembangunan, Ekonomi Dan Kesejahteraan Hidup	E1a		0.00	(23,313,000.00)	
Ansuran Perumahan Awam	E1a		0.00	(1,559,318.66)	
Jualan Perumahan Kos Rendah	E1a		0.00	(3,631,707.16)	
Perbelanjaan Pembangunan KWH :					
Langsung	E1d		0.00		
Pinjaman	E1d		0.00		
Pindahan Dari Akaun Hasil	E1d		0.00	0.00	
Pelbagai Terimaan Modal : Ses Kayu Balak	E1d		0.00	0.00	
			(63,869,822.42)	(75,520,088.82)	
			109,606,154.54	122,113,477.85	12,507,323.31



KERAJAAN NEGERI PERLIS

PENYATA PRESTASI KEWANGAN 2012

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
bagi tahun berakhir 31 Disember 2012

			<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>Anggaran</u>	<u>Sebenar</u>	<u>Sebenar</u>
		<u>RM</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
HASIL	5	73,660,800.00	127,346,255.47	97,808,032.52
<u>Tolak:</u>				
Belanja Mengurus	5	195,866,583.15	161,294,269.42	144,067,734.51
LEBIHAN / (KURANGAN) HASIL		(122,205,783.15)	(33,948,013.95)	(46,259,701.99)
<u>Tolak:</u>				
Belanja Pembangunan	7	72,980,380.00	63,869,822.42	63,518,193.39
LEBIHAN / (KURANGAN) KESELURUHAN		(195,186,163.15)	(97,817,836.37)	(109,777,895.38)
KURANGAN DIBIYAI OLEH:				
Pinjaman Dalam Negeri	6		0.00	(1,000,000.00)
Terimaan Balik Pinjaman dan Pelbagai Terimaan	7		75,520,088.82	69,216,750.58
Perubahan Tunai, Pelaburan dan Amanah	7		22,297,747.55	41,561,144.80
JUMLAH PEMBIAYAAN			97,817,836.37	109,777,895.38

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



KERAJAAN NEGERI PERLIS

PENYATA AKAUN MEMORANDUM 2012

PENYATA AKAUN MEMORANDUM
pada 31 Disember 2012

		<u>2012</u>	<u>2011</u>
	<u>Nota</u>	<u>RM</u>	<u>RM</u>
MEMORANDUM ASET	8		
Pinjaman Boleh Dituntut		83,839,187.77	86,163,296.19
Pelaburan		0.00	0.00
MEMORANDUM LIABILITI	9		
Hutang Awam		343,156,344.63	342,495,142.10

Nota-nota pada muka surat yang berikut merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



KERAJAAN NEGERI PERLIS

NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 2012

DASAR DAN KAEDAH PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

1. DASAR DAN PRINSIP PERAKAUNAN

Dasar dan prinsip perakaunan diguna secara konsisten dalam penyediaan penyata kewangan kecuali dinyatakan sebaliknya.

- a) Dasar perakaunan adalah tertakluk kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengurusan perakaunan dan kewangan Kerajaan Negeri.
- b) Perakaunan Kerajaan Negeri adalah berasaskan Kumpulan Wang Disatukan selaras dengan:
 - i) Perkara 97 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa segala hasil diterima kecuali Zakat, Fitrah, dan Baitulmal atau lain-lain hasil agama Islam seumpamanya, dikumpulkan menjadi satu kumpulan wang.
 - ii) Perkara 104 Perlembagaan Persekutuan memperuntukkan bahawa tiada wang boleh dikeluarkan dari Kumpulan Wang Disatukan melainkan diperuntukkan atau dibenarkan dengan cara lain oleh Dewan Undangan Negeri, kecuali untuk perbelanjaan tanggungan tertentu.
 - iii) Seksyen 7 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] memperuntukkan Kumpulan Wang Disatukan dibahagi kepada Akaun Hasil Disatukan, Akaun Pinjaman Disatukan dan Akaun Amanah Disatukan.
- c) Kerajaan Negeri mengamalkan asas perakaunan tunai ubahsuai. Semua urusan niaga bayaran dan terimaan diakaunkan apabila bayaran dibuat dan terimaan diperolehi dengan pengubahsuaian seperti berikut:
 - i) Bayaran bagi kerja yang telah dijalankan, bekalan dan perkhidmatan yang telah diterima sehingga 31 Disember tahun kewangan semasa boleh dibayar dalam bulan Januari tahun berikutnya dan dikenakan kepada peruntukan tahun kewangan semasa.
 - ii) Terimaan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada 31 Disember tahun kewangan semasa merupakan wang tunai dalam perjalanan dan diakaunkan sebagai hasil tahun kewangan semasa.
 - iii) Mengakaun urusan niaga bukan tunai tertentu seperti pindahan peruntukan daripada Akaun Hasil Disatukan ke Akaun Amanah Disatukan, Untung Rugi Pelaburan dan seumpamanya.
- d) Entiti perakaunan terdiri daripada semua jabatan Kerajaan Negeri.
- e) Tahun kewangan sebagaimana yang telah ditetapkan di bawah Seksyen 3 Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61] adalah satu tempoh dua belas bulan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- f) Mata wang yang digunakan dalam penyata kewangan ini adalah Ringgit Malaysia (RM). Urusan niaga yang melibatkan mata wang asing telah ditukar kepada nilai setara RM berdasarkan kadar pertukaran Bank Negara Malaysia atau Jabatan Akauntan Negara Malaysia mengikut polisi yang ditetapkan.
- g) Penyata Kewangan disediakan mengikut asas yang sama dengan Anggaran Perbelanjaan bagi membolehkan perbandingan dibuat.
- h) Apabila berlaku perubahan ke atas persembahan atau klasifikasi butiran, angka perbandingan telah dinyatakan semula kecuali dinyatakan sebaliknya.

2. PERSEMBAHAN PENYATA KEWANGAN KERAJAAN NEGERI

Penyata Kewangan Kerajaan Negeri yang disediakan mengikut kehendak Seksyen 16(1) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61], Piawaian Perakaunan Kerajaan dan *International Public Sector Accounting Standard (IPSAS) - Financial Reporting under the Cash Basis of Accounting* mengandungi komponen berikut :-

- a) Penyata Kedudukan Kewangan
- b) Penyata Penerimaan dan Pembayaran Wang Tunai
- c) Penyata Prestasi Kewangan
- d) Penyata Akaun Memorandum
- e) Nota Kepada Penyata Kewangan

3. WANG TUNAI

Wang Tunai terdiri daripada Wang Tunai Dalam Bank, Wang Tunai Dalam Perjalanan dan Wang Tunai Dalam Tangan.

Wang Tunai Dalam Bank terdiri daripada baki akaun semasa dan baki deposit di institusi kewangan. Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang telah diklasifikasi sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Wang Tunai Dalam Perjalanan menunjukkan wang tunai yang belum dibankkan dan wang tunai dalam bank yang belum diambil kira dalam buku tunai pejabat perakaunan pada akhir tahun kewangan.

Wang Tunai Dalam Tangan merupakan Panjar Wang Runcit.

Wang Tunai pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 RM	2011 RM
Wang Tunai Dalam Bank	42,314,415.81	52,252,760.42
Wang Tunai Dalam Perjalanan	302,991.51	151,417.93
Wang Tunai Dalam Tangan	6,596.79	10,250.00
JUMLAH WANG TUNAI	42,624,004.11	52,414,428.35

4. PELABURAN

Pelaburan terdiri daripada Pelaburan Am yang dibuat daripada lebih Kumpulan Wang Disatukan dan dinyatakan pada nilai buku.

Pelaburan Deposit Dalam Negeri bagi tempoh tiga (3) bulan atau kurang berjumlah RM 21,000,000.00 telah diklasifikasikan sebagai Wang Tunai Dalam Bank selaras dengan Para 1.2.3. *Cash Basis* IPSAS.

Pelaburan pada 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

<i>Perihal</i>	2012 Nilai Buku		2011 Nilai Buku	
	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am	Pelaburan Kumpulan Wang Amanah	Pelaburan Am
	RM	RM	RM	RM
Deposit Dalam Negeri	0.00	0.00	0.00	0.00
Pelbagai	0.00	0.00	0.00	0.00
<i>Jumlah</i>	0.00	0.00	0.00	0.00
JUMLAH PELABURAN	0.00		0.00	

5. AKAUN HASIL DISATUKAN

Akaun Hasil Disatukan mengaakun semua urus niaga terimaan hasil dan perbelanjaan mengurus Kerajaan selaras dengan Perkara 97 dan 98 Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 7(a) Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Akaun Hasil Disatukan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012			2011	
	Anggaran RM	Sebenar RM	% Anggaran	Sebenar RM	% Anggaran
BAKI PADA 1 JANUARI		(173,338,436.79)		(127,078,734.80)	
HASIL					
Hasil Cukai	15,511,010.00	12,492,926.02	80.54	13,164,311.32	112.44
Hasil Bukan Cukai	38,069,510.00	47,613,035.87	125.07	37,547,813.82	92.76
Terimaan Bukan Hasil	20,080,280.00	67,240,293.58	334.86	47,095,907.38	127.70
Jumlah Hasil	73,660,800.00	127,346,255.47	172.88	97,808,032.52	109.82
PERBELANJAAN MENGURUS					
Emolumen	38,587,508.91	38,231,617.76	99.08	34,900,496.46	97.37
Perkhidmatan dan Bekalan	48,144,968.29	46,384,187.17	96.34	40,437,059.88	95.06
Aset	3,277,524.95	3,232,390.81	98.62	2,080,562.60	96.60
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap **	74,309,105.00	41,912,257.18	56.40	37,236,428.53	51.80
Perbelanjaan-perbelanjaan lain	567,126.00	553,466.50	97.59	398,007.04	96.55
Perbelanjaan Mengurus (sebelum pindahan)	164,886,233.15	130,313,919.42	79.03	115,052,554.51	75.28
Pindahan ke Kumpulan Wang Pembangunan	30,980,350.00	30,980,350.00	100.00	29,015,180.00	100.00
Jumlah Perbelanjaan Mengurus (selepas pindahan)	195,866,583.15	161,294,269.42	82.35	144,067,734.51	79.22
Lebihan/(Kurangan) bagi Tahun		(33,948,013.95)		(46,259,701.99)	
BAKI PADA 31 DISEMBER		(207,286,450.74)		(173,338,436.79)	

Nota : (**) - Tidak termasuk peruntukan untuk pindahan kepada Kumpulan Wang Pembangunan

(a) Hasil

Hasil diakaunkan secara jumlah kasar ke dalam Akaun Hasil kecuali diperuntukkan sebaliknya oleh mana-mana undang-undang. Hasil mengikut penjenisannya bagi tahun berakhir 31 Disember 2012 adalah seperti berikut:

Perihal	2012			2011	
	Anggaran Asai RM	Anggaran Disemak RM	Sebenar RM	Sebenar RM	% Anggaran
HASIL CUKAI					
Cukai Tanah	12,750,000.00	12,750,000.00	9,954,605.43	10,576,525.11	118.17
Cukai Parit Dan Taliair	750,000.00	750,000.00	704,081.30	714,644.70	84.08
